

**From:** Welcome Centre  
**Sent:** Sunday, July 22, 2018 5:09 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM  
**Subject:** PAMERAN MDKP AJAK MASYARAKAT BERSAMA MEMACU KEMAJUAN & PEMBANGUNAN



22 JULAI 2018 / 09 ZULKAEDAH 1439H

=====  
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi  
Gambar oleh: Anjung Tamu

## **PAMERAN MDKP AJAK MASYARAKAT BERSAMA MEMACU KEMAJUAN & PEMBANGUNAN**



**ANJUNG TAMU ONLINE:** Majlis Daerah Kubang Pasu (MDKP) yang dalam proses menyediakan Rancangan Tempatan MDKP 2035 (Penggantian) turut melibatkan Program Publisiti dan Penyertaan Awam sekaligus mengenalpasti UUM Welcome Centre sebagai salah satu lokasi pameran yang menjadi tumpuan tetamu, pelanggan dan masyarakat setiap hari.

Dalam konteks ini, selaras dengan kehendak Akta Perancangan Bandar dan Desa 1975, MDKP ingin berkongsi pandangan dan cadangan bersama masyarakat supaya matlamat

dicapai bagi membangunkan daerah Kubang Pasu sebagai zon khas ekonomi sempadan dan bandar ilmu yang kompetitif, inklusif serta berdaya huni.

“Mempromosi RT MDKP 2035 (Penggantinan) di samping ingin mendapatkan maklumbalas dari penduduk berkenaan perancangan RT” ulas Pengurus Projek dari PLANMalaysia@PPZU, Haslina Chan.

Sementara itu, Pegawai Perancang Bandar, Zahrul Nizam berkata, “Welcome Centre sangat menarik, selesa dan sentiasa dikunjungi oleh pelbagai golongan masyarakat.”

Mengulas lanjut, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Kerajaan (SOG), Prof. Dr. Kamarudin Ngah yang turut mengunjungi pameran MDKP ini berkata,

“Pendedahan kepada pelajar sangat baik. Planning Analysis and Development Control. Memahami proses perancangan sebenar.”

Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Kerajaan (SOG) yang mengajar subjek Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, Dr. Farahiyah Fadzil memberi pandangannya yang menyifatkan,

“Pameran ini efektif untuk mempelajari tentang publisiti deraf rancangan tempatan Daerah Kubang Pasu dengan tempat yang strategik diadakan di Welcome Centre.”

“Menambah ilmu pengetahuan dengan mempelajari deraf RT MDKP secara lebih dekat dan lebih terperinci,” tegasnya lagi.

Rata-rata pelajar gembira dan berpuashati menimba ilmu baharu, menurut pelajar Mohamad Hafis, “Segala susunatur dalam Welcome Centre adalah pada tahap yang amat baik, mempelajari berkenaan pembangunan serta kesannya kepada impak sosial.”

Tambahnya, “Saya ambil peluang datang ke pameran untuk mengenalpasti senarai cadangan projek utama di kawasan sekitar UUM di samping mengetahui peranan pihak MDKP dengan mendalam.”

Sekretariat MDKP yang berkampung di Welcome Centre selama seminggu ingin memastikan pembangunan masa hadapan daerah Kubang Pasu adalah selari dengan tren dan perubahan senario pembangunan yang disebabkan oleh tekanan pembangunan, perubahan dasar dan hala tuju pembangunan di peringkat negeri dan negara melalui fungsi RTD.

Justeru, bahan pameran dan program publisiti dan penyertaan awam ini menunjukkan MDKP serius mengenai teras yang mencakupi ekonomi berdaya saing, mampu milik, berdaya huni, kecukupan, keboleharapan infrastruktur, daya tahan persekitaran dan keselamatan.

=====

DARIPADA:  
ANJUNG TAMU  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
CANSELORI  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)  
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098  
FAKS: 04-928 3095  
E-MEL: welcome\_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.